

26 JAN 2001

Rais-Sultan

KERAJAAN MENGALUKAN PERANAN SULTAN DALAM PENYATUAN ORANG MELAYU

KUALA KLAUANG, 26 Jan (Bernama) -- Kerajaan mengalu-alukan peranan yang dimainkan oleh Majlis Raja-Raja dan di kalangan para Sultan dalam penyatuan orang Melayu di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim berkata setakat ini kerajaan berpuas hati di atas peranan yang dimainkan oleh Sultan ke arah perpaduan orang Melayu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi taklimat kepada para Sultan supaya mereka terus memainkan peranan itu, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau turut memberikan contoh Sultan Pahang Tuanku Ahmad Shah yang telah menunjukkan kemampuan baginda untuk memberi penerangan dan sebagainya kepada rakyat.

Katanya masa depan negara ini bergantung kepada setakat mana orang Melayu khususnya dapat menilai perpaduan dan apabila itu sudah dapat dilakukan susulannya akan mudah dijalankan.

Dalam perkembangan lain, beliau menolak khabar angin yang menyatakan bahawa beliau akan dilantik sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan, menggantikan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

"Khabar angin itu adalah tidak benar...ini adalah gembar-gembar oleh pihak-pihak tertentu sahaja.

"Bagi saya tidak perlu kerana saya pernah menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan...bak kata orang tempatan takkan nak balik ke tampok lama...itu saya fikir tidak timbul," katanya.

Ditanya mana lebih baik sama ada bertugas di pusat atau negeri, beliau berkata: "itu kita tidak pilih...ke mana sahaja di arah oleh parti, kita berkhidmat".

Dr Rais, 57, dilantik Menteri Besar Negeri Sembilan pada 1978 hingga 1982. Beliau juga pernah dilantik Menteri Tanah dan Pembangunan Wilayah pada 1983, Menteri Penerangan pada 1984 dan Menteri Luar pada 1986 sehingga 1987. Beliau yang kini merupakan anggota Parlimen kawasan Jelebu dilantik ke jawatan sekarang pada 10 Dis 1999.

-- BERNAMA

RP RHM